

24 SEP 2000

Koh-jaminan

JAMINAN GERAKAN TERUS TERAJUI PULAU PINANG PANDANGAN JAUH DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 24 Sept (Bernama) -- Jaminan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Gerakan akan terus menerajui pentadbiran negeri Pulau Pinang tidak harus dianggap serong, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini.

Beliau berkata jaminan Perdana Menteri itu bukannya menunjukkan Dr Mahathir hanya memberi sokongan kepada satu pihak saja sebaliknya ia sebagai menghormati prinsip dan dasar Barisan Nasional.

"Perdana Menteri berpandangan jauh dan keputusan beliau itu berdasarkan prinsip, formula dan dasar penggabungan parti-parti komponen BN yang telah lama menjadi amalan," katanya kepada pemberita pada Persidangan Perwakilan Nasional 2000 Gerakan di sini hari ini.

Semalam semasa merasmikan persidangan itu, Dr Mahathir telah memberi jaminan kepada Gerakan bahawa parti itu akan terus menerajui pentadbiran kerajaan negeri Pulau Pinang pada masa-masa akan datang dan ia adalah sebagai satu agihan kuasa dalam kerajaan BN yang adil.

Koh yang juga naib presiden Gerakan berkata Perdana Menteri telah berkali-kali mengulangi bahawa prinsip dan dasar penggabungan yang diamalkan oleh BN perlu dihormati dan dipatuhi dalam mewujudkan persefahaman demi kepentingan semua pihak.

Jika tiada persefahaman di kalangan anggota parti komponen, pelbagai masalah akan timbul, katanya.

"Jika semua orang hendak menang dengan apa yang dikehendaki mereka, maka ia boleh membawa kepada gejala kurang sihat seperti tikam dari belakang, rasuah, bergaduh sesama sendiri dan sabotaj, hanya kerana ingin mendapat kuasa atau jawatan," katanya.

Koh berkata, jika perkara itu berlaku ia bukan sahaja membabitkan kerajaan di peringkat negeri sebaliknya turut boleh terjadi kepada semua parti.

Katanya, anggota parti komponen sepatutnya lebih peka terhadap usaha untuk membangunkan negeri dan memberi perkhidmatan kepada rakyat dan bukan mempertikaikan prinsip, formula dan dasar yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional.

"Parti akan musnah sekiranya prinsip, formula dan dasar BN tidak dihormati dan dipatuhi," katanya

Koh juga berkata kegiatan memancing anggota sesama parti komponen BN tidak harus diamalkan kerana ia boleh merosakkan perpaduan.

-- BERNAMA

NER MAI